



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## KAEDAH HAFAZAN ALTERNATIF PROGRAM ULUL ALBAB DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SITI SURIYANI BINTI SULAIMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



P

i

## KAEDAH HAFAZAN ALTERNATIF PROGRAM ULUL ALBAB DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA

SITI SURIYANI BINTI SULAIMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESISINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHII IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

|   |
|---|
|   |
|   |
|   |
| ✓ |

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 19 MEI 2021

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, SITI SURIYANI BINTI SULAIMAN, P20141000017, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KAEDAH HAFAZAN ALTERNATIF PROGRAM ULUL ALBAB DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, PROF. MADYA DR. AZMIL BIN HASHIM dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk bertajuk KAEDAH HAFAZAN ALTERNATIF PROGRAM ULUL ALBAB DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM.

4 Jun 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

**Prof. Madya Dr. Azmil Hashim**

Fakulti Sains Kemanusiaan



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**Tajuk / Title : KAEDAH HAFAZAN ALTERNATIF PROGRAM ULUL ALBABDI MAKTAB RENDAH SAINS MARANo. Matrik / Matrik's No. : P20141000017Saya / I : SITI SURIYANI BINTI SULAIMAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp))

Tarikh: 4 JUN 2021

**Prof. Madya Dr. Azmil Hashim  
Fakulti Sains Kemarustaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkewasa/organisasii berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan lempuh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.  
*Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction*





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah selaut syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya jua segala sesuatu berlaku. Selawat dan salam buat junjungan Nabi Muhammad s.a.w serta keluarga dan para sahabat baginda.

Rakaman penghargaan dan kalungan terima kasih buat semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini, secara langsung buat penyelia utama Dr. Ahmad Yunus bin Kassim selaku penyelia pertama dan Prof Madya Dr. Azmil bin Hashim sebagai penyelia kedua yang sentiasa memberikan bimbingan tanpa jemu sepanjang kajian ini dilakukan. Begitu juga buat semua pensyarah dan kakitangan di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih kepada Majlis Amanah Rakyat serta pengetua MRSM Pasir Salak yang memberi peluang kepada warga kerjanya untuk meningkatkan professionalisme. Seterusnya buat pihak pengurusan dan rakan-rakan seperjuangan khusunya di Jabatan Sains Sosial dan kesemua warga MRSM Pasir Salak yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat. Begitu juga rakan-rakan seperjuangan di MRSM yang terlibat dengan kajian iaitu MRSM Gemencheh serta anak-anak pelajar yang terlibat secara langsung sebagai watak utama dalam kajian ini.

Akhir sekali khusus buat teman, sahabat dan suami tercinta Yusaili Zakaria yang menjadi tulang belakang serta sentiasa sabar menemani sepanjang perjuangan ini. Tiada kata-kata yang layak dikarang bagi mengungkapkan pengorbanan yang diberikan. Buat anak-anak, Naurah Awadah, Naurah Haziyah, Muhammad Dzikry, Muhammad Dzuhdy dan Muhammad Dziady, jadikan langkah bondamu sebagai landasan untuk terus menimba ilmu sehingga akhir hayat. Junjungan kasih atas doa bonda tercinta Noraini binti Samin. Tanpa bonda, anakanda tidak di sini. Kalungan doa dan al-Fatihah buat almarhum ayahanda Sulaiman @ Abd. Manan bin Ahmad yang satu ketika pernah mengimpikan anaknya bergelar Dr, kini anakanda realisasikan hasratmu. Alhamdulillah. Semoga berterusan kita mendapat belas dan kasih sayang Allah hingga ke Jannah. *Amin Ya Rab al-'Alamin.*





## ABSTRAK

MRSM Ulul Albab antara institusi pendidikan yang menawarkan intergrasi sains dan hafazan al-Quran. Sasaran menamatkan hafazan dalam tempoh tiga tahun masih rendah. Kaedah hafazan yang digunakan juga masih memerlukan penambahbaikan untuk meningkatkan prestasi hafazan pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perlaksanaan kaedah hafazan alternatif dalam program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA. Kajian ini bertujuan untuk meneliti peruntukan masa, persediaan pelajar, kaedah hafazan dan bentuk pentaksiran yang digunakan dalam pencapaian lisan serta bertulis. Kajian ini dilaksanakan secara kaedah campuran dengan data yang diperolehi secara kualitatif disokong oleh data kuantitatif. Kaedah hafazan alternatif (Kaedah Nadi dan Jibril) telah dilaksanakan terhadap dua kumpulan kajian yang melibatkan pelajar di MRSM Gemencheh. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik, ujian *Syafawi* (Lisan), ujian *Tahriri* (Bertulis), catatan pemerhatian, rakaman video dan temubual. Kebolehpercayaan instrumen yang digunakan berada pada tahap yang tinggi dengan nilai Alpha Cronbach di antara 0.686 hingga 0.884 dan layak digunakan dalam kajian sebenar. Data yang telah dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 23.0 yang merujuk kepada analisis statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan inferensi (ANOVA Dua Hala). Manakala bagi data kualitatif dianalisis dengan menggunakan perisian Nvivo. Implikasi daripada ujian pra pasca yang dilaksanakan terhadap dua kumpulan rawatan dalam kajian, membolehkan penambahbaikan kepada perlaksanaan kaedah hafazan di MRSM Ulul Albab. Modul yang dicadangkan melalui kaedah hafazan alternatif antara rumusan yang boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada semua pihak yang ingin menghafaz ayat-ayat suci al-Quran khususnya kepada MRSM Ulul Albab dan institusi tahliz yang lain.





## ALTERNATIVE MEMORY METHOD OF ULUL ALBAB PROGRAM AT MAKTAB RENDAH SAINS MARA

### ABSTRACT

MRSM Ulul Albab is one of the educational institutions that offers the integration of science and memorization of the Quran. The target of completing memorization within three years is still low. The memorization method used also still needs improvement to improve students' memorization performance. This study aims to examine the implementation of alternative memorization methods in the Ulul Albab program at the Maktab Rendah Sains MARA. This study aims to examine the allocation of time, student preparation, memorization methods and forms of assessment used in oral and written achievement. This study was conducted in a mixed method with qualitatively obtained data supported by quantitative data. Alternative memorization methods (Nadi and Jibril methods) were implemented on two study groups involving students at MRSM Gemencheh. The research instruments used were questionnaires, *Syafawi* test (Oral), *Tahriri* test (Written), observation notes, video recordings and interviews. The reliability of the instrument used was at a high level with Cronbach's Alpha values ranging from 0.686 to 0.884 and worthy of use in actual studies. The data collected using questionnaires were analyzed using SPSS 23.0 software which refers to descriptive statistical analysis (mean and standard deviation) and inferential (Two -Way ANOVA). While for qualitative data were analyzed using Nvivo software. Implications from the pre -post tests performed on the two treatment groups in the study, allow for improvement to the implementation of the memorization method in MRSM Ulul Albab. The proposed module is through an alternative memorization method that can be used as a reference and guide for all parties who want to memorize the holy verses of the Quran, especially for MRSM Ulul Albab and other tahfiz institutions.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

|                                    |       |
|------------------------------------|-------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b> | ii    |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b> | iii   |
| <b>PENGHARGAAN</b>                 | iv    |
| <b>ABSTRAK</b>                     | v     |
| <b>ABSTRACT</b>                    | vi    |
| <b>KANDUNGAN</b>                   | vii   |
| <b>SENARAI JADUAL</b>              | xiii  |
| <b>SENARAI RAJAH</b>               | xvi   |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>           | xvii  |
| <b>JADUAL TRANSLITERASI</b>        | xviii |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>            | xix   |



## BAB 1 PENDAHULUAN

|                                |    |
|--------------------------------|----|
| 1.1 Pengenalan                 | 1  |
| 1.2 Latar Belakang Kajian      | 5  |
| 1.3 Pernyataan Masalah         | 8  |
| 1.4 Objektif Kajian            | 12 |
| 1.5 Persoalan Kajian           | 13 |
| 1.6 Hipotesis Kajian           | 15 |
| 1.7 Kepentingan Kajian         | 17 |
| 1.8 Kerangka Konseptual Kajian | 18 |
| 1.9 Batasan Kajian             | 20 |
| 1.10 Definisi Operasional      | 22 |





|        |                           |    |
|--------|---------------------------|----|
| 1.10.1 | Kaedah Hafazan Alternatif | 22 |
| 1.10.2 | Program Ulul Albab        | 24 |
| 1.11   | Penutup                   | 29 |

## BAB 2 ULASAN KEPUSTAKAAN

|     |  |    |
|-----|--|----|
| 2.1 | Pengenalan   | 30 |
| 2.2 | Pendidikan Hafazan                                 | 31 |
| 2.3 | Pendidikan Hafazan Al-Quran Zaman Rasulullah s.a.w | 33 |
| 2.4 | Pendidikan Hafazan Zaman Sahabat                   | 36 |
| 2.5 | Pendidikan Hafazan Zaman Tabi'in                   | 39 |
| 2.6 | Kaedah Hafazan Masa Kini                           | 42 |



|        |  |    |
|--------|--|----|
| 2.6.1  | Abu Mazaya Al-Hafiz  | 43 |
| 2.6.2  | Kaedah Hafazan Neuro Nadi Al-Baghdadi (Neuro Nadi)           | 45 |
| 2.6.3  | Kaedah Hafazan Muhammad Asraff Ayob Al-Hafiz (Kaedah Jibril) | 47 |
| 2.6.4  | Pengajian al-Quran Ibnu Sahnun                               | 49 |
| 2.6.5  | Hafazan al-Quran al-Qabis                                    | 51 |
| 2.6.6  | Kaedah Hafazan Sa'dollah dan Amjad Qasim                     | 52 |
| 2.6.7  | Kaedah Hafazan Luh   | 57 |
| 2.6.8  | Kaedah Hafazan Deobandy                                      | 58 |
| 2.6.9  | Kaedah Hafazan Panipati                                      | 61 |
| 2.6.10 | Kaedah Hafazan Cirebon                                       | 63 |
| 2.6.11 | Kaedah Hafazan Turki   | 65 |
| 2.6.12 | Kaedah Hafazan Malwali                                       | 67 |





|         |   |     |
|---------|---|-----|
| 2.7     | Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab (MRSM UA)                 | 70  |
| 2.7.1   | Matlamat dan Objektif Program MRSM UA                         | 71  |
| 2.7.1.1 | MRSM UA Kota Putra  | 71  |
| 2.7.1.2 | MRSM UA Gemencheh   | 73  |
| 2.7.1.3 | MRSM UA Kepala Batas  | 74  |
| 2.7.2   | Kaedah Hafazan Modul Quranik MRSM UA                          | 75  |
| 2.7.2.1 | Kaedah Gundal   | 75  |
| 2.7.2.2 | Kaedah Tahriri  | 76  |
| 2.7.2.3 | Kaedah Murajaah   | 76  |
| 2.8     | Gaya Pembelajaran, Kaedah, Teknik dan Proses Hafazan Al-Quran | 77  |
| 2.8.1   | Kaedah Dalam Pembelajaran Tahfiz                              | 78  |
| 2.8.2   | Kaedah Hafazan Mengikut Negara                                | 80  |
| 2.8.3   | Teknik Dalam Pembelajaran Tahfiz                              | 83  |
| 2.8.4   | Kaedah Menghafaz Ayat-Ayat Baru                               | 87  |
| 2.8.5   | Antara Kaedah dan Teknik Hafazan                              | 89  |
| 2.8.6   | Proses Memulakan Hafazan                                      | 89  |
| 2.8.7   | Masa dan Tempoh Aktiviti Hafazan                              | 90  |
| 2.9     | Pentaksiran Hafazan   | 97  |
| 2.10    | Kajian-Kajian Lepas   | 98  |
| 2.10.1  | Tinjauan Kajian Hafazan                                       | 98  |
| 2.10.2  | Tinjauan kajian MRSM Ulul Albab                               | 115 |
| 2.11    | Penutup   | 117 |





## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

|   |     |
|---|-----|
| 3.1 Pengenalan                          | 118 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian                  | 119 |
| 3.3 Sampel Kajian                       | 124 |
| 3.4 Instrumen Kajian                    | 128 |
| 3.5 Kesahan Dan Kebolehpercayaan        | 132 |
| 3.5.1 Kesahan Instrumen Kajian          | 132 |
| 3.5.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian | 137 |
| 3.6 Kesahan Eksperimen                  | 143 |
| 3.6.1 Kesahan Dalaman                   | 144 |
| 3.6.2 Kesahan Luaran                    | 150 |
| 3.7 Prosedur Kajian                     | 153 |
| 3.7.1 Ujian Pra                         | 155 |
| 3.7.2 Ujian Pasca                       | 155 |
| 3.7.3 Tatacara Pengumpulan Data         | 155 |
| 3.8 Analisis Data Kuantitatif           | 158 |
| 3.8.1 Statistik Deskriptif              | 159 |
| 3.8.2 Statistik Inferensi               | 159 |
| 39 Analisis Data Kualitatif             | 161 |
| 3.10 Kesimpulan                         | 161 |

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

|  |     |
|--|-----|
| 4.1 Pengenalan   | 163 |
| 4.2 Demografi Responden  | 164 |
| 4.3 Tanggapan Pelajar Terhadap Peruntukan Masa Perlaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab | 167 |





|      |   |     |
|------|---|-----|
| 4.4  | Perbezaan Tanggapan Pelajar Terhadap Peruntukan Masa Perlaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina Dan Kumpulan           | 169 |
| 4.5  | Tahap Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan  | 173 |
| 4.6  | Perbezaan Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan Berdasarkan Jantina Dan Kumpulan                               | 175 |
| 4.7  | Perlaksanaan Kaedah Hafazan Alternatif Dalam Program Ulul Albab   | 179 |
| 4.8  | Kekuatan Kaedah Hafazan Alternatif  | 222 |
| 4.9  | Pengulangan Kaedah Hafazan Alternatif   | 224 |
| 4.10 | Dapatan Temu Bual   | 228 |
| 4.11 | Format Ujian <i>Syafawi</i> (Ujian Lisan) Dan Ujian <i>Tahriri</i> (Ujian Bertulis) Dalam Mengukur Prestasi Hafazan Para Pelajar              | 238 |
| 4.12 | Tahap Pencapaian Ujian <i>Syafawi</i> dalam Penguasaan Tajwid Dan Kelancaran Pelajar Sebelum Dan Selepas Penggunaan Kaedah Hafazan Alternatif | 244 |
| 4.13 | Tahap Pencapaian Pencapaian Ujian <i>Tahriri</i> Pelajar Sebelum Dan Selepas Penggunaan Kaedah Hafazan Alternatif                             | 248 |
| 4.14 | Modul Hafazan Cadangan Daripada Kaedah Hafazan Alternatif   | 256 |
| 4.15 | Penutup   | 263 |

## BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

|       |   |     |
|-------|---|-----|
| 5.1   | Pengenalan  | 264 |
| 5.2   | Ringkasan Kajian  | 265 |
| 5.3   | Perbincangan Dapatan Kajian                                   | 268 |
| 5.3.1 | Peruntukan Masa Perlaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab | 268 |



|                 |  |     |
|-----------------|--|-----|
| 5.3.2           | Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan   | 271 |
| 5.3.3           | Kaedah Hafazan Alternatif Yang Boleh Dilaksanakan Dalam Program Ulul Albab                                     | 273 |
| 5.3.4           | Keberkesanan Kaedah Murajaah Yang Diamalkan Bagi Mengekalkan Ayat-Ayat Hafazan                                 | 276 |
| 5.3.5           | Format Pentaksiran <i>Syafawi</i> dan <i>Tahriri</i> Dalam Mengukur Prestasi Hafazan Para Pelajar              | 277 |
| 5.3.6           | Pencapaian Ujian <i>Syafawi</i> Pelajar Sebelum dan Selepas Menggunakan Kaedah Alternatif Berdasarkan Kumpulan | 279 |
| 5.3.7           | Pencapaian Ujian <i>Tahriri</i> Pelajar Sebelum dan Selepas Menggunakan Kaedah Alternatif Berdasarkan Kumpulan | 281 |
| 5.4             | Implikasi Kajian   | 283 |
| 5.4.1           | Guru   | 284 |
| 5.4.2           | MRSM   | 285 |
| 5.4.3           | Pelajar  | 287 |
| 5.4.4           | Modul Hafazan Cadangan Melalui Kaedah Hafazan Alternatif   | 288 |
| 5.4.5           | Cadangan Kajian Lanjutan   | 292 |
| 5.5             | Penutup  | 293 |
| <b>RUJUKAN</b>  |  | 295 |
| <b>LAMPIRAN</b> |  | 308 |



## SENARAI JADUAL

| No. Jadual  | Muka Surat |
|---|------------|
| 1.1 Sukatan Pelajaran Tahfiz al-Quran MRSRM Ulul Albab                            | 9          |
| 3.1 Reka Bentuk Kajian  | 123        |
| 3.2 Jadual Instrumen Kajian Soal Selidik Konstruk 1 Berkaitan Persediaan dan Masa | 129        |
| 3.3 Jadual Pemerhatian Setiap Kumpulan Hafazan                                    | 131        |
| 3.4 Senarai Pakar Kesahan Kandungan Item Soal Selidik dan Instrumen               | 133        |
| 3.5 Analisis Persetujuan Pakar Pembinaan Tema Data Kualitatif                     | 136        |
| 3.6 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Peruntukan Masa                            | 139        |
| 3.7 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Persediaan                                 | 140        |
| 3.8 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Sebelum Kaedah Alternatif Digunakan        | 141        |
| 3.9 Kebolehpercayaan Item Soal Selidik Selepas Kaedah Alternatif Digunakan        | 142        |
| 3.10 Jadual Perlaksanaan Kajian   | 156        |
| 3.11 Interpretasi Skor Min  | 159        |





|      |   |     |
|------|---|-----|
| 4.1  | Profil Demografi Responden Kajian Bagi Kumpulan Neuro Nadi  | 164 |
| 4.2  | Profil Demografi Responden Kajian Bagi Kumpulan Jibril  | 165 |
| 4.3  | Profil Demografi Responden Kajian Bagi Kumpulan Ulul Albab  | 166 |
| 4.4  | Tahap Peruntukan Masa Perlaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab   | 168 |
| 4.5  | Ujian Levene Perbezaan Peruntukan Masa Perlaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina dan Kumpulan             | 170 |
| 4.6  | Skor Min dan Sisihan Piawai Peruntukan Masa Perlaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina Dan Kumpulan        | 171 |
| 4.7  | Analisis ANOVA Dua Hala Peruntukan Masa Perlaksanaan Hafazan Dalam Program Ulul Albab Berdasarkan Jantina dan Kumpulan            | 172 |
| 4.8  | Tahap Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan  | 173 |
| 4.9  | Ujian Levene Perbezaan Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan Berdasarkan Jantina dan Kumpulan      | 176 |
| 4.10 | Skor Min dan Sisihan Piawai Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan Berdasarkan Jantina Dan Kumpulan | 176 |
| 4.11 | Analisis ANOVA Dua Hala Persediaan Para Pelajar Program Ulul Albab Sebelum Memulakan Hafazan Berdasarkan Jantina dan Kumpulan     | 178 |
| 4.12 | Rumusan Pemerhatian Proses Hafazan Kaedah Jibril  | 180 |





|      |   |     |
|------|---|-----|
| 4.13 | Senarai Semak Konsistensi Proses Hafazan Kaedah Jibril  | 181 |
| 4.14 | Rumusan Pemerhatian Proses Hafazan Kaedah Nadi  | 201 |
| 4.15 | Senarai Semak Konsitensi Proses Hafazan Kaedah Nadi   | 202 |
| 4.16 | Analisis Kekuatan Kaedah Hafazan Alternatif   | 223 |
| 4.17 | Analisis Dapatan Temu Bual  | 235 |
| 4.18 | Format Ujian <i>Syafawi</i> (Ujian Lisan)   | 241 |
| 4.19 | Format Ujian <i>Tahriri</i> (Ujian Bertulis)  | 242 |
| 4.20 | Ujian Levene Perbezaan Pencapaian Ujian <i>Syafawi</i> Pelajar Sebelum Dan Selepas Berdasarkan Kumpulan   | 245 |
| 4.21 | Skor Min Dan Sisihan Piawai Pencapaian Ujian <i>Syafawi</i> Pelajar Sebelum Dan Selepas Penggunaan Kaedah Hafazan Alternatif Berdasarkan Kumpulan | 246 |
| 4.22 | Analisis ANOVA Dua Hala Pencapaian Ujian <i>Syafawi</i> Pelajar Sebelum Dan Selepas Penggunaan Kaedah Alternatif Hafazan Berdasarkan Kumpulan     | 247 |
| 4.23 | Ujian Levene Perbezaan Pencapaian Ujian <i>Tahriri</i> Pelajar Sebelum Dan Selepas Berdasarkan Kumpulan   | 250 |
| 4.24 | Skor Min Dan Sisihan Piawai Pencapaian Ujian <i>Tahriri</i> Pelajar Sebelum Dan Selepas Penggunaan Kaedah Alternatif Hafazan Berdasarkan Kumpulan | 251 |





|      |   |     |
|------|---|-----|
| 4.25 | Analisis ANOVA Dua Hala Pencapaian Ujian <i>Tahriri</i> Pelajar Sebelum Dan Selepas Penggunaan Kaedah Alternatif Hafazan Berdasarkan Kumpulan | 253 |
| 4.26 | Rumusan Analisis Ujian <i>Syafawi</i> Dalam Penguasaan Tajwid Dan Kelancaran Pelajar Sebelum Dan Selepas Penggunaan Kaedah Hafazan Alternatif | 255 |
| 4.27 | Analisis Kaedah Hafazan Alternatif  | 257 |
| 4.28 | Rumusan Dapatan Kajian  | 260 |





## SENARAI RAJAH

| No. Rajah   | Muka Surat |
|---|------------|
| 1.1 Kerangka Konseptual Kajian  | 19         |
| 2.1 Kerangka Pendidikan Hafazan al-Quran Zaman <i>Tabiin</i>                                    | 41         |
| 2.2 Kerangka Kaedah Hafazan Abu Mazaya al-Hafiz   | 45         |
| 2.3 Kerangka Hafazan Nadi Al Baghdadi   | 47         |
| 2.4 Kerangka Kaedah Hafazan Jibril, Muhammad Asraff Ayob  | 49         |
| 2.5 Kerangka Kaedah Ibnu Sahnun   | 50         |
| 2.6 Kerangka Teori Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Qabisi                                | 51         |
| 2.7 Gabungan Kerangka Teori Hafazan Sa'dollah dan Amjad Qasim                                   | 56         |
| 3.1 Prosedur analisis data penjelasan berurutan ( <i>explanatory sequential mixed method</i> ). | 121        |
| 3.2 Peringkat Pembinaan Item Soal Selidik   | 133        |
| 3.3 Prosedur Penganalisaan Data Kualitatif  | 135        |
| 4.1 Perlaksanaan Tiga Pengulangan Kaedah Jibril Dalam Waktu Solat                               | 225        |
| 4.2 Penggunaan Modul dan Kad Nadi Dalam Kaedah Hafazan Nadi                                     | 227        |
| 5.1 Modul Hafazan Cadangan Melalui Kajian Kaedah Hafazan Alternatif                             | 291        |





## SENARAI SINGKATAN

|         |                                     |
|---------|-------------------------------------|
| %       | Peratusan                           |
| &       | dan                                 |
| /       | atau                                |
| Bil.    | Bilangan                            |
| BPM     | Bahagian Pendidikan Menengah        |
| Dr      | Doktor                              |
| et. al. | (et alia) ; and others              |
| Juz.    | Juzuk                               |
| KPM     | Kementerian Pendidikan Malaysia     |
| LP      | Lembaga Peperiksaan                 |
| MARA    | Majlis Amanah Rakyat                |
| min     | Minimum                             |
| MRSM    | Maktab Rendah Sains MARA            |
| MRSM UA | Maktab Rendah Sains MARA Ulul Albab |
| s.a.w   | SallaLlah ‘Alaihi Wa Sallam         |
| s.w.t   | Subhanahu Wa Ta’ala                 |
| t. th.  | tanpa tarikh                        |





## TRANSLITERASI

Ejaan Kalimah Arab berdasarkan kepada sistem transliterasi berikut :

| Huruf Arab | Transliterasi | Huruf Arab | Transliterasi |
|------------|---------------|------------|---------------|
| ا          | a/'a          | ض          | d             |
| ب          | b             | ط          | t             |
| ت          | t             | ظ          | z             |
| ث          | th            | ع          | .             |
| ج          | j             | غ          | gh            |
| ح          | ɳ             | ف          | f             |
| خ          | kh            | ق          | q             |
| د          | d             | ك          | k             |
| ذ          | dh            | ل          | l             |
| ر          | r             | م          | m             |
| ز          | z             | ن          | n             |
| ش          | sh            | ه          | h             |
| ص          | ṣ             | ي          | y             |



Manakala bagi huruf panjang dalam ejaan Arab pula dengan penggunaan transliterasi berikut :

| Huruf Arab | Transliterasi |
|------------|---------------|
| ا          | ā             |
| و          | û             |
| ي          | í             |





## SENARAI LAMPIRAN

- A Instrumen Soal Selidik
- B Pengesahan Pakar Instrumen Hafazan Alternatif
- C Inventori Protokol Temubual
- D Halaman Pertama Nota Lapangan Kajian
- E Surat Lantikan Pakar
- F Surat Keizinan Menjalankan Kajian Eksperimen
- G Surat Keizinan Menjalankan Kajian Hafazan Alternatif
- H Makluman Fasilitatir Kaedah Hafazan Alternatif
- I Catatan Video
- J Catatan Proses Ulangan Hafazan Jibril
- K Catatan Proses Uangan Hafazan Nadi
- L Contoh Ujian Syafawi ( Lisan )
- M Contoh Ujian Tahriri ( Bertulis )
- N Contoh Modul Hafazan dan Catatan Ulangan Kaedah Nadi
- O Contoh Modul Hafazan dan Catatan Ulangan Kaedah Jibril





## BAB I

### PENDAHULUAN



Al-Quran merupakan kalam Allah atau kata-kata Allah s.w.t yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w kepada umatNya sebagai panduan kehidupan manusia seluruhnya. Al-Quran merupakan mukjizat Nabi Muhammad s.a.w yang terpelihara sehingga hari perhitungan. Allah s.w.t menurunkan Al-Quran kepada semua hambaNya sebagai pegangan yang kukuh, agar dalam setiap kehidupan makhlukNya berada di dalam rahmat dan keberkatanNya. Pendidikan al-Quran merupakan suatu cabang ilmu yang kepada umat Islam. Ia meliputi pengajian dan tatacara pembacaan *qiraatnya*, kaedah-kaedah hafazan, pengkajian penterjemahan dan tafsir, pengkajian hukum-hukum dan sebagainya





Matlamat utama pendidikan al-Quran adalah mendidik manusia supaya mengabdikan diri kepada Allah s.w.t. Manakala motif pendidikan al-Quran ialah membina masyarakat yang bertaqwa, masyarakat yang bertolak ansur, bertanggungjawab, berfikiran bebas, demokrasi, tidak zalim, tidak sompong dan masyarakat yang berjalan mengikut garis panduan al-Quran (Abdullah et.al, 2003 : Salleh, 1997). Mempelajari isi kandungan Al-Quran akan menambahkan perbendaharaan baru, memperluaskan pandangan dan pengetahuan, meningkatkan perspektif baru dan perkara-perkara yang baru. Hal ini menambahkan keyakinan terhadap keunikan isi kandungannya yang menunjukkan Allah Maha Besar, Allah Maha Pengasih dan Maha Penyayang sebagai pencipta.

Al-Quran merupakan mukjizat agung kepada Rasulullah s.a.w. Isi kandungannya mengandungi perlbagai ilmu merentasi ilmu dunia dan akhirat. Dinamiknya al-Quran sesuai dengan perbezaan masa dan tempat kerana al-Quran penutup kitab samawi dan kitab terakhir yang diturunkan oleh Allah s.w.t untuk panduan kehidupan manusia. Al-Hafiz (2002) menjelaskan sejarah pembelajaran al-Quran secara hafazan bermula sejak turunnya ayat pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w. Baginda adalah seorang *ummi* iaitu seorang yang tidak tahu membaca dan menulis. Rasulullah s.a.w menghafaz ayat al-Quran yang diajarkan oleh malaikat Jibril a.s di gua Hira ketika wahyu pertama diturunkan baginda. Penurunan al-Quran secara berperingkat membantu dan memudahkan Rasulullah s.a.w untuk menyampaikannya kepada para sahabat yang kemudiannya menghafaz dan memahami isi kandungannya





Mengkaji ilmu yang berkaitan dengan al-Quran memperlihatkan betapa kecilnya kemampuan manusia apabila dibandingkan dengan kebesaran Allah s.w.t, bertepatan dengan firmanNya (Surah al-Kahfi ayat 18:109) :

قُلْ لَوْ كَانَ الْبَحْرُ مِدَادًا لِكَلِمَاتٍ رَبِّي لَنْفَدَ الْبَحْرُ قَبْلَ أَنْ تَنْفَدَ كَلِمَاتُ رَبِّي وَلَوْ  
جِئْنَا بِمِثْلِهِ مَدَدًا

*Katakanlah : Sekiranya lautan menjadi tinta untuk (menulis) kalimat-kalimat Tuhanku, sungguh habislah lautan itu sebelum habis (ditulis) kalimat-kalimat Tuhanku, meskipun kami datangkan tambahan sebanyak itu (pula).*

Pada zaman ini, kesedaran terhadap usaha memelihara Al-Quran masih diteruskan dan banyak sekolah dan institusi tafhib Al-Quran dibangunkan di semua peringkat di seluruh negara. Dengan kelebihan ilmu teknologi yang Allah s.w.t. kurniakan pada zaman ini proses pemeliharaan al-Quran menjadi semakin mudah untuk dikawal dan dipantau oleh panel ulama yang berautoriti melalui penguatkuasaan terhadap pengesahan keaslian isi kandungan al-Quran. Seperti janji Allah s.w.t. yang bermaksud, (Surah Al-Hijr, ayat 15:9)

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُوَ لَحَافِظُونَ ۚ

*Sesungguhnya Aku (Allah) telah menurunkan Az-Zikir (Al-Quran ini dan sesungguhnya Akulah yang bertanggungjawab memeliharanya (atas kesuciannya).*

Al-Quran terpelihara sejak daripada awal penurunannya sehingga kini. Salah satu cara pemeliharaan tersebut ialah melalui hafazan al-Quran dalam kalangan umat Islam. Usaha ke arah memelihara al-Quran sentiasa maju berkembang seiring dengan





peredaran zaman. Pembelajaran pendidikan tafhiz berbeza dengan pembelajaran pendidikan al-Quran, antaranya pembelajaran tafhiz memerlukan kemahiran menggunakan kaedah-kaedah khusus untuk menghafaz, bukan sekadar hafazan semata-mata malah merupakan satu proses hafazan sempurna meliputi mengingati ayat-ayat, memahami isi kandungannya dengan menekankan setipa perincian ayat seperti fonetik, tanda wakaf dan sebagainya secara sempurna. (Wiwi Alawiyah, 2013).

Di Malaysia, institusi tafhiz al-Quran bermula sekitar tahun 1966. Pada tahun tersebut, Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tuanku Abdul Rahman al-Haj telah menyatakan hasrat untuk menubuhkan institusi tafhiz di Malaysia (Sedek Ariffin & Siti Sarah Wahidah Wahid, 2014). Seiring dengan perkembangan pesat institusi tafhiz tersebut, aspek-aspek lain termasuk kaedah dan teknik hafazan juga turut mengalami perkembangan yang sama. Antara kaedah hafazan yang terdapat di Malaysia ialah kaedah hafazan al-Quran Deobandy dari India, kaedah hafazan al-Quran Panipati dari Pakistan, kaedah hafazan al-Quran Luh dari Mekah, Arab Saudi dan teknik hafazan dari negara Turki.

Menurut Rahil Mahyuddin, Jami'ah Mohamad dan Kasnani Ab. Karim (2000) proses hafazan mengandungi tiga peringkat. Peringkat pertama ialah perolehan, diikuti dengan peringkat pengekalan dan peringkat ketiga ialah perolehan kembali. Proses yang pertama di peringkat perolehan melibatkan proses memberikan perhatian kepada rangsangan dan mengekodkan ke dalam ingatan. Pada peringkat pengekalan pula, mengenal pasti di mana maklumat disimpan dan perolehan kembali melibatkan proses mengeluarkan maklumat daripada simpanan apabila diperlukan. Kaedah bagaimana mengingati ayat-ayat hafazan, mengekalkannya dalam tempoh yang lama atau





meletakkan ayat-ayat tersebut dalam ingatan jangka panjang serta bagaimana para hafiz dan hafizah mampu mengeluarkan semula ayat-ayat yang telah dihafaz untuk disesuaikan dengan permasalahan atau kehidupan seharian amat perlu dikaji agar bertepatan dengan kehendak hafalan al-Quran itu sendiri iaitu memelihara kesucian *kalamullah*.

Firman Allah s.w.t dalam surah *al-A'la* ayat 6 :

سَنُقْرِئُكَ فَلَا تَنَسَّىٰ<sup>۱</sup>

Maksudnya: “Kami sentiasa menjadi engkau wahai Muhammad dapat membaca al-Quran yang diturunkan kepadamu dengan perantaraan Jibrail sehingga engkau menghafaznya dan tidak lupa.”



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah menetapkan matlamat untuk menjadikan MRSM sebagai sebuah institusi pendidikan bertaraf dunia yang menawarkan pendidikan seimbang dari sudut akademik dan akhlak untuk melahirkan generasi muslim yang kukuh iman, mempunyai akhlak mulia dan memiliki budaya kerja yang hebat (Syed Najmuddin et al., 2009). Kepentingan pemantapan sahsiah telah dikesan oleh Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah pada ketika itu, iaitu YB Dato' Seri Idris Jusoh apabila beliau mencadangkan ide untuk mewujudkan sebuah program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) pada tahun 2009.





Kewujudan kurikulum Ulul Albab ini adalah bertujuan untuk melahirkan seorang ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja dapat menggarap ilmu pengetahuan dunia, tetapi juga mempunyai pengetahuan *ukhrawi*, iaitu berlandaskan pengetahuan al-Quran dan al-Sunnah sebagai generasi Ulul Albab (Modul Quranik Program Ulul Albab, n.d).

Program Ulul Albab merupakan satu program baharu yang dilaksanakan semenjak awal tahun 2009 bermula di MRSM Kota Putra, Besut, Terengganu. Seramai 180 orang pelajar telah terpilih selepas melalui proses temu duga bagi mengikuti program ini pada pengambilan pertama. Hasil daripada kejayaan di MRSM Kota Putra, pada tahun 2010 satu lagi MRSM Ulul Albab telah dibuka di MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan, iaitu dengan pengambilan pertama seramai 180 orang pelajar



Objektif program Ulul Albab pula ialah yang pertama, melahirkan generasi al-Quran yang beriman, bertaqwa, berilmu, berakhhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab serta menguasai kemahiran-kemahiran insaniah dan akademik serta dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Kedua, melahirkan pelajar-pelajar yang berlatar belakangkan sains dan tafhib al-Quran yang menguasai kemahiran-kemahiran supaya dapat memenuhi syarat untuk mengikuti pengajian dalam bidang profesional dan teknikal di mana-mana universiti yang tersohor di seluruh dunia. Manakala yang ketiga, melahirkan pelajar-pelajar yang dapat menghafaz Al-Quran 30 juzuk dalam tempoh 3 tahun pengajian di MRSM dan membina budaya saintifik al-Quran dengan pendekatan *Information and Communications Technology* (ICT).



Pelbagai modul telah dirangka bagi melicinkan lagi sistem Ulul Albab seperti penggubalan modul Eksiklopedik dan Ijtihadik. Ia bertujuan untuk membentuk dan memantapkan satu sistem pendidikan yang berteraskan al-Quran (Mardhiah, 2017). Namun disebalik keghairahan ini, terdapat cabaran, gangguan, halangan serta kesukaran-kesukaran bagi seseorang itu menghafaz al-Quran. Maka diperlukan suatu kaedah hafazan yang berkesan dan bersistematik bagi membantu mereka menghafaz dan menjaganya daripada lupa (Mohd Fazri, 1999).

Kaedah menghafaz ayat-ayat al-Quran diketahui seawalnya pada zaman Rasulullah s.a.w di mana Jibril a.s mengajarkan kepada Baginda untuk menghafaz wahyu yang pertama dalam surah *al-Alaq* sebanyak lima ayat iaitu ayat 1 hingga 5, walaupun surah *al-Alaq* mempunyai 19 ayat keseluruhannya. Berkembanglah hafazan al-Quran hingga kepada para sahabat dan berterusan ke zaman *tabi'in* hingga seratus tahun pertama hijrah. (Al-Zarqani, 1988). Bagi memudahkan hafazan al-Quran, pelbagai kaedah dirangka oleh pengkaji terdahulu seperti kaedah hafazan al-Qabisi, Sa'dollah, Amjad Qasim, Luh, Deobandy, Panipati, Cirebon, Turki, Malwali dan Abu Mazaya yang diguna pakai oleh intitusi-institusi tahfiz di Malaysia. Begitu juga kaedah hafazan yang diperkenalkan melalui seminar dan kursus kepada masyarakat awam seperti kaedah hafazan Jibril dan Neuro Nadi.

Meskipun perkembangan sekolah tahfiz di Malaysia ini berkembang dengan pesatnya, namun kurikulumnya masih berada di tahap lama dan perlu kepada penambahbaikan. Di dalam kajian Azmil Hashim (2010), dinyatakan bahawa walaupun penilaian impak menggambarkan keperluan dan matlamat pendidikan tahfiz hampir tercapai, namun penilaian keberkesanannya menggambarkan bahawa objektif



pendidikan tahliz dan kualiti pencapaian tahliz masih berada pada tahap sederhana. Ia turut di sokong dalam dapatan kajian Mardhiah (2017) perlaksanaan program tahliz di MRSM Ulul Albab belum memenuhi matlamat dan objektif yang sedia ada kerana masih terdapat ramai pelajar yang tidak berjaya khatam sehingga tempoh tamat pengajian. Kajian ini diharapkan dapat menganalisis keberkesanan kaedah hafazan alternatif yang akan diterapkan dalam MRSM Ulul Albab dan mencadangkan modul pilihan lain yang boleh digunakan oleh para pelajar selain modul Quranik yang sedia ada dalam usaha melahirkan lebih ramai *hufaz* Al-Quran dalam sistem ini.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kaedah hafazan yang diamalkan oleh pelajar MRSM Ulul Albab masih belum diketahui secara umum. Maklumat-maklumat mengenai kaedah yang dilaksanakan dapat diperolehi daripada kertas-kertas kerja, modul-modul yang dibina serta laporan-laporan diperingkat MARA. Model Quranik yang dirangka merujuk kepada kemampuan pelajar menghafaz 30 juzuk ayat-ayat suci al-Quran serta memahaminya berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) (Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas [MRSM], 2016). Aktiviti ini berjalan di dalam kelas secara formal dan tidak formal. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan daripada kelas akademik sedia ada dan diserahkan kepada guru hafazan selama satu jam untuk melaksanakan aktiviti hafazan ini. (Mardhiah, 2017)





Para pelajar MRSM Ulul Albab diberi tempoh tiga tahun untuk menamatkan *muqarrar tahfiz* (sukatan pelajaran hafazan) yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Menengah (BPM) MARA. Sukatan diperlihatkan seperti dalam jadual di sebelah ;

### Jadual 1.1

#### *Sukatan Pelajaran Tahfiz al-Quran MRSM Ulul Albab*

| <b>Tempoh Sukatan</b>    | <b>Juzuk</b> | <b>Jumlah Juzuk</b> |
|--------------------------|--------------|---------------------|
| Semester 1 (Tingkatan 1) | 1 - 5        | 5 juzuk             |
| Semester 2 (Tingkatan 1) | 6 - 11       | 6 juzuk             |
| Semester 3 (Tingkatan 2) | 12 -17       | 6 juzuk             |
| Semester 4 (Tingkatan 2) | 18 - 23      | 6 juzuk             |
| Semester 3 (Tingkatan 3) | 24 - 29      | 6 juzuk             |
| Semester 6 (Tingkatan 3) | 30           | 30 juzuk            |



Di MRSM Ulul Albab, masih terdapat pelajar yang tidak menghabiskan sukanan hafazan yang ditetapkan walaupun mencatat kecemerlangan dalam akademik. Pelajar yang mendaftar dalam sistem Ulul Albab pada tahun 2010, mereka seharusnya khatam pada tahun 2013 seperti yang terdapat di dalam Modul Quranik (MQ), namun pencapaian hafazan pelajar tidak mencapai sasaran meskipun pelajar-pelajar dalam aliran ini mencatatkan pencapaian akademik dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang tertinggi melalui Gred Purata Maktab (GPM) dalam tahun 2010, 2011 dan 2013. Hanya 118 orang daripada 168 orang pelajar yang berjaya khatam dari MRSM Kepala Batas, 82 orang dari 164 orang pelajar yang khatam dari MRSM Kota Putra dan





107 orang daripada 177 orang pelajar yang berjaya khatam dari MRSM Gemencheh pada tahun 2015 (e-hafazan, 2015). Prestasi hafazan pelajar turut dinyatakan dalam kajian oleh Misnan dan Ahmad Sadadi (2013) yang mencatatkan 60% daripada pelajar yang menghafaz, tidak dapat menamatkan hafazan mengikut jadual yang ditetapkan. Ini turut berlaku dalam pencapaian hafazan di MRSM Ulul Albab.

10

Meskipun pencapaian akademik MRSM Ulul Albab adalah cemerlang sehingga mendapat Gred Purata Maktab (GPM) tertinggi antara MRSM dalam tahun 2010,2011 dan 2013 sehingga MRSM Ulul Albab Gemencheh mencatat GPM terbaik PMR tahun 2013 antara 39 buah MRSM ketika itu, 70 orang pelajar masih tidak dapat menamatkan sukatan hafazan 30 juzuk seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.1. Dalam dapatan kajian Mardhiah (2017) mendapati, kebanyakan kaedah guru dalam amalan pengajaran dan pembelajaran hafazan terhadap para pelajar MRSM Ulul Albab mengguna pakai

kaedah hafazan sendiri. Kaedah hafazan yang diamalkan oleh pelajar MRSM Ulul Albab masih belum diketahui secara umum. Amalan kaedah hafazan dan perlaksanaan dalam modul Quranik dalam sistem MRSM Ulul Albab perlu dilakukan penambahbaikan.

Antara faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca kelemahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran tafsir ialah berpunca daripada kekurangan dalam strategi gaya pembelajaran tafsir iaitu, pelajar tidak mempunyai strategi, kaedah dan motivasi dalam pembelajaran tafsir (Azmil Hashim, 2010). Dalam kajian Rahim (2008) menunjukkan bahawa masa untuk melakukan amalan proses pengajaran seperti *tasmik*, *talaqqi*, *talqin* dan *murajaah* mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian hafazan al-Quran. Masa hafazan formal selama satu jam setiap hari yang telah diperuntukkan kepada para pelajar di MRSM Ulul Albab amat membataskan proses-





proses hafazan, tasmik dan murajaah. Tambahan pula apabila para pelajar berada di tahun peperiksaan seperti SPM, masa hafazan lima hari seminggu dipendekkan kepada tiga hari seminggu untuk memberikan laluan kepada kelas akademik. Ini memendekkan masa hafazan formal daripada lima jam kepada tiga jam seminggu. Pengagihan masa yang tidak seimbang menjadikan prestasi hafazan dan akademik tidak seiring (Mardhiah, 2017). Ini membawa gambaran bahawa perlu kepada penambahbaikan di dalam sistem di MRSM Ulul Albab kerana sistem yang wujud tidak membantu pelajar untuk tamat hafazan sedangkan tempoh khatam pelajar hanya 3 tahun. Bahkan tiada tindakan yang diambil kepada pelajar jika mereka tidak dapat menghabiskan hafazan 30 juz sepanjang mereka ada di MRSM.

Kadar hafazan mempengaruhi pencapaian dan kualiti seseorang *huffaz al-Quran*. Menurut Abdullah dan Rahman (2010) menyatakan bahawa hafalan Al-Quran terlalu mudah untuk hilang dari ingatan kecuali mereka yang benar-benar memastikan pemeliharannya. Menurut mereka juga menyatakan bahawa menghafal ayat-ayat al-Quran memerlukan kesabaran dan disiplin yang tinggi untuk mencapai jumlah sasaran ayat-ayat yang perlu dihafal pada satu-satu masa. Sikap dan persediaan para pelajar juga menyumbang kepada prestasi hafazan selain cara pembelajaran dalam bilik darjah. (Abdullah, 2005). Lemah, rendah diri, putus asa akan membawa kepada motivasi yang rendah seterusnya menimbulkan perasaan tidak berminat untuk meneruskan hafazan al-Quran.

Mardhiah (2107) turut bersetuju bahawa penilaian proses terhadap strategi dan kaedah pembelajaran tahniz daripada beberapa aspek di setiap MRSM Ulul Albab perlu diperbaiki agar lebih sistematik dan selaras supaya matlamat program Ulul Albab lebih





mencapai matlamat dan objektif yang digariskan. Oleh itu, sewajarnya perlu ada kajian yang mengenalpasti persediaan pelajar, peruntuka masa dan kaedah atau teknik hafazan yang boleh dilaksanakan dalam program Ulul Albab. Setiap orang memiliki suatu kaedah atau cara masing-masing di dalam menghafaz al-Quran mengikut kesesuaian akalnya.

12

#### 1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk membantu pelajar dalam menghafaz ayat-ayat al-Quran. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut :

1. Meneliti peruntukan masa perlaksanaan hafazan dalam progam Ulul Albab.
2. Meneliti persediaan para pelajar program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA sebelum memulakan hafazan
3. Mengkaji kaedah hafazan alternatif yang boleh dilaksanakan dalam program Ulul Albab.
4. Mengkaji kaedah pengulangan hafazan alternatif yang diamalkan bagi mengekalkan ayat-ayat hafazan.
5. Mengenal pasti bentuk pentaksiran yang dilakukan bagi menilai prestasi hafazan para pelajar.
6. Mengenalpasti tahap pencapaian ujian lisan atau *syafawi* pelajar sebelum dan selepas penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.
7. Mengenalpasti tahap pencapaian ujian bertulis atau *tahriri* pelajar sebelum dan selepas penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.





8. Mencadangkan modul hafazan daripada kaedah hafazan alternatif dalam kajian.

13

### **1.5 Persoalan Kajian**

Bagi mencapai objektif kajian, beberapa persoalan kajian dirangka khusus untuk mencari jawapan terhadap persoalan berikut :

1. Persoalan kajian bagi mencapai objektif pertama.
  - (1) Apakah tahap peruntukan masa perlaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab?
  - (2) Adakah terdapat perbezaan peruntukan masa perlaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina dan kumpulan ?
2. Persoalan kajian bagi mencapai objektif kedua.
  - (1) Apakah tahap persediaan para pelajar program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA sebelum memulakan hafazan ?
  - (2) Adakah terdapat perbezaan persediaan para pelajar program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina dan kumpulan ?
3. Persoalan kajian bagi mencapai objektif ketiga.





- (1) Bagaimana kaedah hafazan alternatif boleh dilaksanakan dalam program Ulul Albab ?
- (2) Apakah ciri kekuatan yang ada pada kaedah hafazan alternatif untuk diadaptasi oleh pelajar-pelajar MRSM Ulul Albab?

14

4. Persoalan kajian bagi mencapai objektif keempat.
  - (1) Apakah kekuatan yang ada pada kaedah pengulangan hafazan alternatif untuk mengekalkan hafazan para pelajar MRSM Ulul Albab ?
5. Persoalan kajian bagi mencapai objektif kelima.
  - (1) Bagaimanakah bentuk pentaksiran yang dilakukan bagi menilai prestasi hafazan para pelajar ?
6. Persoalan kajian bagi mencapai objektif keenam.
  - (1) Apakah tahap pencapaian ujian lisan atau *syafawi* pelajar dalam aspek tajwid dan kelancaran sebelum dan selepas penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan ?
7. Persoalan kajian bagi mencapai objektif ketujuh.
  - (1) Apakah tahap pencapaian prestasi para pelajar dalam mengisi ayat, menyusun dan menulis ayat, menulis ayat berdasarkan nombor ayat, menyambung ayat dan menulis ayat berdasarkan makna ayat dalam ujian tahriri sebelum dan selepas penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan ?
8. Persoalan kajian bagi mencapai objektif kelapan.





- (1) Bagaimanakah bentuk modul hafazan yang boleh dicadangkan melalui kajian kaedah hafazan alternatif ini ?

15

### 1.6 Hipotesis Kajian

Untuk menjawab persoalan kajian yang dihuraikan secara inferensi, maka penyelidik melaksanakan pengujian hipotesis (Mohd Majid, 2005; Mokhtar, 2011). Hipotesis kajian ini disusun mengikut persoalan kajian seperti berikut :

Hipotesis bagi persoalan kajian pertama (1) dan (2) :



Ho1a: Tidak terdapat perbezaan peruntukan masa perlaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan jantina.

Ho1b: Tidak terdapat perbezaan peruntukan masa perlaksanaan hafazan dalam program Ulul Albab berdasarkan kumpulan.

Hipotesis bagi persoalan kajian kedua (1) dan (2) :

Ho2a : Tidak terdapat perbezaan persediaan para pelajar program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA sebelum memulakan hafazan berdasarkan jantina.

Ho2b : Tidak terdapat perbezaan persediaan para pelajar program Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA sebelum memulakan hafazan berdasarkan kumpulan.





### Hipotesis bagi persoalan kajian keenam (1) :

Ho3a : Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian syafawi bagi ujian tajwid pelajar sebelum penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.

16

Ho3b : Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian syafawi bagi ujian lancar pelajar sebelum penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.

Ho3c : Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian syafawi bagi ujian tajwid pelajar selepas penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.

Ho3d : Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian syafawi bagi ujian lancar pelajar selepas penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.



Ho4a : Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian mengisi ayat dalam ujian tahriri sebelum penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.

Ho4b : Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian menyusun ayat dalam ujian tahriri sebelum penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.

Ho4c : Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian menulis ayat dalam ujian tahriri sebelum penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.

Ho4d : Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian menyambung ayat dalam ujian tahriri sebelum penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.





Ho4e : Tidak terdapat perbezaan pencapaian ujian menulis ayat berdasarkan nombor ayat dalam ujian tahriri sebelum penggunaan kaedah hafazan alternatif berdasarkan kumpulan.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini membolehkan penambah baikan dilakukan terhadap perlaksanaan kaedah hafazan di MRSM Ulul Albab bagi melahirkan generasi pelajar pintar soleh dan hafiz profesional yang diharapkan. Melalui sistem ini, pelajar-pelajar bukan sekadar memenuhi syarat untuk lulus dan keluar sebagai graduan MRSM yang berjaya bahkan, untuk menanamkan minda saintifik Quranik dengan harapan ianya dapat menghasilkan dampak integrasi yang cukup bermakna kepada seluruh rakyat Malaysia yang bersifat majmuk ini.

Pada hemat pengkaji, kajian ini dapat dijadikan panduan bagi memperbaiki kelemahan kaedah hafazan yang dikesan dalam program Ulul Albab atau setidak-tidaknya memantapkan lagi kelebihan yang sedia ada dalam sistem ini. Hasil daripada kajian yang dijalankan ini kemudiannya akan dapat dijadikan suatu rumusan bagi menghasilkan modul pembelajaran dan pengajaran kaedah hafazan di MRSM UA atau MRSM Mini Ulul Albab dalam usaha melebar luaskan kepelbagaiannya generasi pintar soleh serba boleh dan profesional teknokrat dalam masyarakat di negara ini. Kajian yang telah dijalankan ini diharapkan akan dapat memberi sumbangan kepada pihak Bahagian Pendidikan Menengah untuk menyusun semula program Ulul Albab khususnya dalam mencari kaedah hafazan alternatif yang bersesuaian kepada para pelajar yang mengikuti program ini bagi





melahirkan para hafiz hafizah profesional. Selain itu pembangunan pendidikan Tahfiz juga boleh dirangka dengan lebih baik meliputi pedagogi pengajaran guru-guru dan penggunaan teknologi pendidikan hafazan yang terkini. Kajian ini juga boleh menjadi panduan asas kepada mana-mana pengkaji lain untuk meneruskan kajian penyelidikan dalam bidang hafazan.


18

### 1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang dibina dalam kajian ini berdasarkan gabungan teori kaedah hafazan Abu Mazaya (2012), Muhammad Asraff atau kaedah hafazan Jibril (2013) dan Neuro Nadi Al-Baghdadi (2014) yang mana ia diubahsuai khusus untuk digunakan dalam kajian penyelidikan ini. Kombinasi ketiga-tiga kaedah ini mengambil

kira persediaan sebelum menghafaz, semasa menghafaz dan selepas menghafaz. Konsep penting yang perlu diberi penekanan oleh para penghafaz dijadikan *framework* atau rangka kerja bagi melaksanakan eksperimen terhadap kumpulan sasar. Terdapat dua kumpulan rawatan yang akan diberi pendedahan kepada kaedah Jibril dan Neuro Nadi selepas ujian Pra dan Pasca dilakukan.





*Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian. Sumber : Adaptasi Teori Kaedah Hafazan Muhammad Asraff (2013) dan Nadi Al-Baghdadi (2014)*



## 1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada sistem pendidikan MRSM Ulul Albab sahaja. Ini kerana hanya program Ulul Albab yang menekankan sistem hafazan al-Quran 30 juzuk. Manakala program MRSM yang lain seperti Program Khas Pendidikan (PKP), IGCSE dan IB adalah merupakan sistem Mini Ulul Albab yang hanya menekankan hafazan beberapa surah pilihan. Penambahan sistem lain dalam sistem pendidikan di MRSM adalah di luar kajian pengkaji kerana berlainan implementasi dan pastinya menghasilkan dapatan yang bercanggah dengan tajuk kajian. Limitasi kajian ini akan menjelaskan tiga aspek utama iaitu pertama; kaedah hafazan, kedua; sampel kajian, ketiga; ujian yang digunakan bagi memperoleh data kajian.



Aspek kedua adalah sampel kajian. Kajian hanya akan dibataskan kepada Maktab Rendah Sains MARA Gemencheh. Walaupun program Ulul Albab dilaksanakan di dua buah MRSM lain iaitu MRSM Kota Putera, MRSM Kepala Batas, MRSM Sungai Besar dan yang terbaru MRSM Semporna di Sabah, pengkaji hanya memilih MRSM Gemencheh. Pemilihan ini berdasarkan prestasi hafazan MRSM Gemencheh adalah pada tahap sederhana berbanding pencapaian MRSM Kota Putera dan Kepala Batas tetapi MRSM Gemencheh mencatatkan penglibatan ramai para pelajarnya dalam pertandingan Hafazan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain daripada itu lokasi MRSM Gemencheh memudahkan capaian akses bagi pengasas kaedah Neuro Nadi dan Jibril untuk memantau perlaksanaan kaedah hafazan alternatif yang digunakan dalam kajian ini.





Sekiranya terdapat penambahan atau perluasan kaedah hafazan dalam sistem Ulul Albab di MRSM lain, pengkaji tidak berhasrat untuk menambahkan sampel kajian dengan tujuan bagi memastikan dapatan hasil kajian yang menepati kehendak kajian. Menyentuh aspek kumpulan kajian pula, pengkaji hanya membataskan kumpulan kajian kepada para pelajar tingkatan satu sahaja. Pemilihan tersebut adalah kerana kumpulan pelajar ini merupakan peringkat paling muda berbanding dengan kumpulan pelajar lain yang berada dalam tingkatan lebih tinggi. Kumpulan peringkat ini juga masih dalam proses penyesuaian diri dengan kaedah semasa yang diguna pakai dalam program Ulul Albab. Peringkat proses penyesuaian ini amat penting supaya para pelajar boleh menerima kaedah alternatif yang digunakan dalam kajian ini. Tambahan pula para pelajar tingkatan satu tidak terlibat dengan peperiksaan besar seperti PT3 dan SPM. Malahan mereka juga tidak terlibat dalam Program Gerak Gemilang bagi pelajar-

pelajar tingkatan dua dan empat, yang merupakan persediaan kepada PT3 dan SPM tahun berikutnya.

Kajian turut memfokuskan kepada tiga komponen penting dalam kaedah menghafaz sebagai konstruk kajian (sebelum, semasa dan selepas menghafaz). Pemilihan ini bukanlah bermakna komponen pengajaran guru tidak penting tetapi lebih menjuruskan kepada apa yang ditekankan dalam kerangka teori dan konsep hafazan Mazaya, Muhammad Asraf (Jibril) dan Neuro Nadi. Oleh itu, kajian ini memfokuskan pelaksanaan kaedah hafazan sebagai faktor proses dan pencapaian dalam ujian pra dan pasca sebagai faktor produk serta meninjau perkaitan hubungan antara kedua-duanya. Penyataan ini menunjukkan faktor proses dan produk mampu memberikan maklumat yang lebih penting dan berguna dalam merancang strategi dan pelan tindakan ke arah memantapkan sesuatu program atau dasar pendidikan bagi mencapai objektif dan





matlamat yang diharapkan (Jamil Ahmad, 2002) (Mohamad Suhaily , 2013) Batasan ketiga ialah ujian yang digunakan bagi memperoleh data kajian. Ujian yang akan digunakan dalam kajian ini ialah ujian yang dirangka oleh Jawatankuasa yang dipilih oleh Bahagian Pendidikan Menengah dan MRSM Ulul Albab Gemencehah bagi mendapatkan data prestasi hafazan kumpulan sasar.

## 1.10 Definisi Operasional

Tajuk kajian ini adalah Kaedah Hafazan Alternatif Program Ulul Albab Di Maktab Rendah Sains MARA. Frasa yang terkandung dalam tajuk kajian ini perlu diperjelaskan bagi memudahkan kefahaman terhadap perbincangan kajian yang dilakukan.



### 1.10.1 Kaedah Hafazan Alternatif

Kaedah hafazan dibina daripada dua perkataan iaitu kaedah dan hafazan. Kaedah yang didefinisikan dalam Kamus Dewan (Noresah Baharom et al 2005) membawa maksud cara atau peraturan membuat sesuatu (terutama yang bersistem atau yang biasa). Boleh juga diertikan sebagai mengajar cara mengajar (berdasarkan prinsip-prinsip tertentu). Dalam aspek ilmu pendidikan, kaedah merupakan proses yang memudahkan sesuatu tindakan. Pemudahcaraan ini menggerakkan sesuatu aktiviti pembelajaran agar dapat dilakukan dengan lancar. (Mok Soon Sang, 2003)





Manakala hafazan merupakan kata pinjaman Bahasa Arab yang telah diMelayukan.

Dasarnya adalah perkataan hafaz. Merujuk kepada terminologinya dalam Bahasa Arab, hafaz dalam *Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, membawa maksud menjaga sesuatu dan mengawalnya daripada hilang. (Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh, 1989). Hafaz dalam Bahasa Melayu pula bermaksud terpelihara dan kekal dalam ingatan (khusus tentang bacaan ayat suci al-Quran) dengan dapat membacanya tanpa melihat kitab (Kamus Dewan, 2005).

Perkataan ketiga, alternatif juga merupakan kata pinjaman bahasa asing, iaitu Bahasa Inggeris yang sudah diterima pakai dalam Bahasa Melayu. Alternatif atau *alternative* adalah kata sifat yang memberi maksud pilihan juga gantian. Pilihan yang merupakan kemestian (keharusan) atau satu pilihan antara dua kemungkinan. (Kamus Dewan, 2005). Gabungan ketiga-tiga perkataan kaedah, hafazan dan alternatif, membawa konotasi yang menjelaskan satu sistem atau proses pilihan yang digunakan dalam mengingati ayat-ayat al-Quran secara teratur dan sistematik. Ini membawa maksud bahawa kaedah yang dijadikan subjek kajian adalah kaedah pilihan dan bukan kaedah gantian kepada kaedah sedia ada. Kaedah hafazan alternatif dalam kajian ini merujuk kepada kaedah Jibril dan Neuro Nadi sebagai pilihan kepada kaedah sedia ada iaitu kaedah hafazan Ulul Albab.





### 1.10.2 Program Ulul Albab

Melihat kepada kitab *Mu'jam Mufahras Lil Alfazhil Quran*, perkataan “Ulul Albab” disebut sebanyak 16 kali dalam al Quran (Muhammad Fuad Abdul Baqi, 1987) dalam beberapa surah, antaranya firman Allah s.w.t. (surah al-Baqarah 2:179) :

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَأْوِي إِلَّا لَبِرٌ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ<sup>١٧٩</sup>

“Dan dalam qisas itu ada (jaminan) kehidupan bagimu, wahai orang-orang yang berakal, agar kamu bertakwa”.

Firman Allah s.w.t. (surah al-Baqarah 2:197) :

... وَاتَّقُونَ يَأْوِي إِلَّا لَبِرٌ<sup>١٩٧</sup>

“... bertakwalah kepada-Ku wahai orang-orang yang mempunyai akal yang sihat”.

Firman Allah s.w.t. (surah al-Baqarah 2:269) :

... وَمَا يَذَّكُرُ إِلَّا أُولُوا الْأَلْبَابِ<sup>٢٦٩</sup>

“... Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran daripadanya kecuali orang-orang yang mempunyai akal yang sihat”.

Firman Allah s.w.t. (surah Ali Imran 3:7) :

... وَمَا يَذَّكُرُ إِلَّا أُولُوا الْأَلْبَابِ<sup>٧</sup>

“... Dan tidak ada yang dapat mengambil pengajaran kecuali orang-orang yang mempunyai berakal”.





Firman Allah s.w.t. (surah Ali Imran 3:190):

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَآخْتِلَافِ الَّيلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولَئِكَ الْمُبْحَثُونَ  
١٩٠

*“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan penggantian malam dan siang terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang berakal”*

Firman Allah s.w.t. (surah al-Maidah 5:100):

... فَاتَّقُوا اللَّهَ يَعْلَمُ أُولَئِكَ الْمُبْحَثُونَ

*“...maka bertakwalah kepada Allah, wahai orang-orang yang berakal fikiran, agar kamu beruntung”.*

Firman Allah s.w.t. (surah ar-Ra'du 13:19):

... إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابُ ١٩

*“...Hanya orang-orang yang berakal, yang dapat mengambil pelajaran”.*

Firman Allah s.w.t. (surah Ibrahim 14:52):

... وَلِيَذَّكَرُ أُولُوا الْأَلْبَابُ ٢٠

*“... dan agar orang yang berakal mengambil pelajaran”.*

Firman Allah s.w.t. (surah Sad 38:29):

كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لِّيَدَبَرُوا مَا يَتَهَمُّ وَلِيَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابُ ٢١

*“Kitab (al-Quran) yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan keberkatan agar mereka menghayati ayat-ayatnya dan agar orang yang berakal sihat mendapat pengajaran”.*





Firman Allah s.w.t. (surah Sad 38:43):

وَوَهَبْنَا لَهُ وَأَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً مِنَّا وَذُكْرَى لِأُولَئِكَ الْأَلَبِ<sup>٤٣</sup>

*“Dan kami anugerahkan baginda (dengan megumpulkan kembali) keluarganya dan Kami lipat gandakan jumlah mereka, sebagai rahmat daripada Kami dan pengajaran bagi orang-orang yang berfikiran sihat”.*

26

Firman Allah s.w.t. (surah az-Zumar 39:9):

... إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُوا الْأَلَبِ<sup>٤٤</sup>

*“... Sebenarnya hanya orang yang berakal sihat yang dapat menerima pengajaran”.*

Firman Allah s.w.t. (surah az-Zumar 39:18):



Maksudnya : “.. Mereka itulah orang-orang yang telah diberi petunjuk oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang mempunyai akal yang sihat”.

Firman Allah s.w.t. (surah az-Zumar 39:21):

... إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرَى لِأُولَئِكَ الْأَلَبِ<sup>٤٥</sup>

*“... Sesungguhnya demikian itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal yang sihat”.*

Firman Allah s.w.t. (surah Yusuf 12:111):

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِأُولَئِكَ الْأَلَبِ<sup>٤٦</sup>

*Maksudnya : “Sesungguhnya dalam kisah mereka itu ada ibrah (pengajaran) bagi orang-orang yang berakal...”.*





Firman Allah s.w.t. (surah Ghafir 40:54):

هُدَىٰ وَذِكْرٍ لِّأُولَئِنَّا لَبِبٍ،

*“Untuk menjadi petunjuk dan peringatan bagi orang-orang yang berfikiran sihat”.*

27

Firman Allah s.w.t. (surah at-Talaq 65:10):

فَاتَّقُوا اللَّهَ يَعْلَمُ أَلَّا لَبِبٍ أَلَّا دِينَ عَامَنُواْ ...

*“... Maka bertakwalah kepada Allah, wahai orang-orang yang berakal sempurna daripada kalangan orang yang beriman...”.*

Melalui ayat-ayat yang telah dibentangkan, Allah s.w.t. tidak memberi definisi

yang khusus tentang maksud “Ulul Albab” tetapi merujuk kepada sifat-sifat bagi

golongan tersebut iaitu golongan yang mempunyai akal yang sihat, sempurna dan gologan yang berfikir. Sekaligus ia merupakan pengiktirafan daripada Allah s.w.t. kepada hamba-hambanya yang berakal sempurna, sihat dan sejahtera. Justeru, para ilmuan memberikan pelbagai definisi tersendiri, yang merujuk kepada sifat-sifat Ulul Albab yang diiktiraf oleh Allah s.w., dalam mentafsirkan makna ini. Kalimah Ulul

Albab ( أولُو الْأَلْبَاب ) terdiri daripada dua frasa iaitu *Uluu* ( أولُو ) dan *Albab*

( الْأَلْبَاب ). Albab pula adalah kata jamak daripada kalimah dasarnya iaitu ( لَبْ )

*al-Lub* (Ahmad al-'Ayyid & Dawud 'Abduh. Dr.,1989)



Gabungan daripada dua perkataan Ulul Albab ini merujuk kepada golongan yang mempunyai akal yang sihat, bersih, murni, pemahaman yang benar, memiliki kebijaksanaan, mengerti, memahami dan berfikir dengan cemerlang disertai kesucian hati sehingga dapat menjaga ketaqwaan kepada Allah s.w.t. dengan mengamalkan kebenaran dan menghindari kemungkar (Jalaluddin al-Mahalli & Jalaluddin As Suyuti, 2005). Bertitik tolak daripada pemahaman murninya maksud perkataan Ulul Albab ini, frasa tersebut diguna pakai sebagai satu sistem dalam sistem pendidikan di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM Ulul Albab) yang berteraskan hafazan al-Quran dan sains tulen.

Istilah Ulul Albab merupakan transformasi dua aliran iaitu sains dan agama dalam sistem pendidikan di MRSM yang bercirikan Quranik, Ijtihadik dan Ensiklopedik dalam perlaksanaan kurikulum, ko-kurikulum dan hafazan al-Quran (Norhazriah, 2012). Visi MRSM Ulul Albab ialah melahirkan generasi yang memahami sains, falsafah dan teknologi bercirikan quranik, ensiklopedik dan ijtihadik yang berteraskan al-Quran bagi menghadapi cabaran globalisasi dan mencapai kegemilangan ketamadunan ummah. Ianya merujuk kepada keupayaan pelajar menghafaz 30 juzuk al-Quran berdasarkan konsep baca, ingat, faham, fikir, amal dan sebar (BIFFAS) (Maktab Rendah Sains MARA Kepala Batas [MRSM], 2016).

Segala aktiviti quranik dilaksanakan secara formal dan informal di dalam kelas akademik mengikut kumpulan yang ditentukan. Aktiviti hafazan formal dilaksanakan selama satu jam. Manakala segala aktiviti yang bercirikan ensiklopedik diwujudkan melalui kelas Bahasa ketiga seperti Jepun, Mandarin dan Arab, kursus-kurus seperti Kemahiran Asas Tingkatan 1 (KAT 1), Kemahiran Amalan Belajar (KAB), Kursus



Kemahiran Berfikir (KKB) dan kemahiran lain dengan menyediakan kelengkapaman ICT yang mencukupi. Aktiviti bercirikan Ijtihadik melatih pelajar untuk mampu berdaya saing, menyumbang ide yang bernas, menyelesaikan masalah, kreatif dan inovatif serta mampu berfikiran kreatif dan kritis melalui kewujad kelab-kelab berteknologi tinggi seperti robotic, avionic, dan solar. Begitu juga dalam aktiviti memanah, berkuda dan berenang yang membantu perkembangan fizikal dan emosi yang mantap.

29

### 1.11 Penutup

Bab ini memberikan gambaran terhadap asas kepada kajian ini. Ia merangkumi pendidikan hafazan, latar belakang MRSM Ulul Albab, masalah dalam pencapaian hafazan, objektif kajian, kepentingan kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual kajian, hipotesis kajian, definisi operasional kaedah hafazan, program Ulul Albab dan limitasi kajian yang dilaksanakan. Perbincangan dalam bab ini meberikan gambaran awal aspek kajian selain memudahkan pemahaman terhadap beberapa istilah yang terdapat dalam kajian ini.

